

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 MOTIF KAJIAN

Jika kita meneliti sejarah dan kesusasteraan China, terdapat golongan penulis pernah menjelajahi seluruh pelosok tanah besar China sejak turun temurun. Pengembalaan penulis-penulis ini bagaikan sebuah lagu kesedihan disebabkan kebanyakan mereka terpaksa meninggalkan tanah kelahiran sendiri dan tidak akan kembali ke pangkuan ibu pertiwi mereka. Pengembalaan tersebut padahalnya berkait rapat dengan faktor politik jika ditinjau secara kritis. Misalnya Qu Yuan (340 - 278S.M.), seorang pensyair yang disingkirkan sebanyak dua kali daripada kerajaan Chu ke sempadan selatan China pada Zaman Perang (402 - 221S.M.) adalah disebabkan beliau difitnah oleh pembesar-pembesar istana yang mengutamakan kepentingan politik sendiri. Dalam hal ini, Yu Guangzhong, seorang sarjana dan pensyair di Taiwan pernah berkata, "Kita mempunyai catatan terawal dalam mengisahkan hidup

pengembaraan seorang pensyair." (1969: 57) Nyata sekali, pernyataan ini adalah dituju kepada Qu Yuan yang berjaya mengharumkan namanya dalam bidang kesusastraan China dengan karya-karya beliau yang dikarang sepanjang pengembaraannya.

Padahalnya, *Kitab Syair (Shi Jing)*, koleksi syair pertama yang merupakan nukilan rakyat-jelata pada dinasti Zhou (1066 – 256S.M.) telahpun mencatatkan detik-detik pengembaraan dalam sejarah China. Rungutan perantau-perantau yang terbayang dalam syair-syair ini menunjukkan keperitan kehilangan tempat perlindungan dalam peperangan. Yang menyedihkan hati pembaca, mereka akhirnya terpaksa berpisah dengan keluarga dalam hidup berpindah-randah. Namun, hidup pengembaraan yang tersebut dan tidak menentu ini menyediakan ilham kepada para penulis untuk menghasilkan karya-karya yang tidak terhitung nilai keseniannya, apakah lagi ramai penulis berusaha membayangkan realiti masyarakat ekoran tekanan politik pada masa itu. Kita juga dapat meneliti ramai penulis atau pensyair telah menjalani langkah Qu Yuan selepas itu. Sebagai tamsilan, Han Yu (768-824), Liu Zongyuan (773-819), Song Ziwen (656-712), Li Bai (701-762) dan Du Fu (717-775) ialah penulis-penulis yang pernah mengembara di atas tanah besar China.

Sesungguhnya, terdapat punca-punca tertentu yang mengakibatkan perpindahan golongan penulis dari suatu tempat ke tempat yang lain. Inisiatif golongan penulis mengembara untuk mencari nafas baru dalam hidup individu mahupun arah penulisan tersendiri kian mendapat perhatian para pengkritik sastera dan budaya menjelang abad ke-20. Seskorang penulis yang

meninggalkan tanah air tidak kira secara sukarela atau paksaan dapat diperlihatkan sebagai "budaya diaspora" (diaspora) dalam perbincangan ilmiah.<sup>1</sup> Dalam hal ini, Paul Tabori (1908-1974), seorang sarjana Barat memberi definisinya dalam karya beliau yang berjudul *Analisis Dalam Diaspora (The Anatomy of Exile)* :

Seseorang itu terpaksa meninggalkan tanah airnya atas faktor politik, ekonomi maupun pengaruh psikologi. Ini bererti seseorang akan mengambil keputusan untuk meninggalkan tanah airnya tanpa sebarang tekanan atau terdapat tekanan fizikal padanya. Kedua-dua faktor ini sebenarnya tiada perbezaan yang ketara (1972: 37).

Ulasan Paul Tabori yang ringkas tetapi padat di atas jelas menunjukkan diaspora manusia sejagat adalah berdasarkan dua faktor penting, yakni tekanan luar atau kemauuan diri sendiri. Di samping itu, Liu Xiaofeng, sarjana di negara China memperlihatkan budaya diaspora sebagai salah satu cabang budaya masyarakat dari aspek sosiologi. Menurutnya:

Suatu corak hidup atau dialog yang menunjukkan perpisahan individu daripada "kedudukan fizikal" dan "kedudukan mental". Kedudukan fizikal merujuk kepada seseorang itu terpisah daripada tanah airnya. Maka, dialog diaspora memperlihatkan "kehadiran" seseorang di atas tanah airnya atau sebaliknya. Sementara itu, setiap dialog manusia menunjukkan kejiwaannya. Di sini, diaspora ialah dialog yang merujuk kepada kejiwaan manusia yang tersalah letak tempatnya (1990: 114).

<sup>1</sup> Dalam bahasa Inggeris, "diaspora" berkait rapat dengan satu istilah lagi, yakni "exile". Suatu simposium kesusasteraan rantau Asia Pasifik atas bantuan UNESCO diadakan di Universiti Western Australia pada Disember 1987 pernah menumpukan perhatian ke atas persoalan "rasa terbuang". Menurut Bruce Bennet, salah seorang pembentang simposium tersebut memberi penjelasannya dalam pendahuluan *Rasa Terbuang*, koleksi esei simposium kesusasteraan rantau Asia Pasifik tentang keadaan "exile" berpandukan *Macquarie Australian Dictionary*. Menurutnya, "Exile ialah 'perpisahan yang berlarutan dari tanah air atau kampung halaman, disebabkan tekanan keadaan'. Exile dapat diterjemah sebagai 'buangan' atau 'terbuang', bergantung pada kedudukannya dalam sesuatu ayat. Keadaan ini diperlihatkan sebagai dorongan untuk menggalakkan seorang seniman, pembuat filem dan penulis untuk memberi jawapan yang kritis dan kreatif" (1988: 1). Dalam disertasi ini, istilah "keterasingan", "keterbuangan" dan "rasa terbuang" dipraktik berdasarkan penggunaan struktur bahasa yang sebenarnya menjelaskan kedudukan jiwa seseorang sama ada beliau merantau ke luar tanah airnya atau berkedudukan negara sendiri.

Jelasnya, selain faktor geografi, diaspora diperlihatkan sebagai suatu corak hidup manusia dewasa ini untuk mengukur keperibadian dan kejiwaan insan sejagat. Seseorang yang mengasingkan diri dari tanah air yang dianggapnya sebagai "rumah" sejak kelahiran akan merasai dirinya disingkirkan oleh keluarga kesayangan. Ini disebabkan tanah yang diperlihatkan sebagai tempat perlindungan tidak lagi memainkan peranan untuk memberikan kebahagiaan kepada penghuni-penghuninya. Menurut C.D.Narasimhaiah, seorang pakar India dalam pengajian Inggeris, "Kedua-dua bidang sejarah dan sastera menunjukkan bahawa manusia hidup dalam rasa terbuang yang abadi, yakni terbuang daripada rumah, masyarakat, negara, bangsa dan daripada Tuhan serta kadang-kadang daripada diri sendiri... Rasa terbuang mempunyai hubungan yang rapat dengan pengertian tersingkir, tercabut daripada akar umbi, dikebiri dan dianggap orang yang tidak berhak memiliki apa-apa." (1988: 57) Padahalnya, keterasingan yang wujud dalam pelbagai variasi di atas akan terus mempengaruhi seseorang sama ada dalam aktiviti harian atau pemikirannya. Hal ini seterusnya menggalakkan pembentukan peribadi dan corak hidup seseorang.

Perubahan tempat kediaman atau penganjakan seseorang daripada tanah air seakan-akan suatu mimpi ngeri yang menyeksakan pengembara yang kehilangan tempat perlindungan. Misalnya, pelari, pemastaudin atau penghijrah di luar tanah air sendiri diperlihatkan sebagai mangsa-mangsa yang sentiasa membuang diri dalam ketidakteraman dan keterasingan. Oleh demikian, motif disertasi ini adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana Zhang Xiguo, penghijrah yang berasal dari tanah besar China dan membesar di Taiwan dalam membebaskan dirinya daripada rasa terbuang kepada alternatif-

alternatif lain dalam hidup pengembaraannya di Amerika Syarikat pada masa kini.

Tidak dapat disangkalkan bahawa Zhang Xiguo dan penulis-penulis sezamannya yang berhijrah ke Taiwan merupakan mangsa-mangsa yang terkorban atas faktor politik. Percanggahan ideologi politik antara dua buah parti yang berpengaruh di tanah besar China pada akhir tahun 1940an, yakni Guomindang (Kuomintang) dan Parti Komunis China mengakibatkan sesetengah bangsa Cina berhijrah ke Taiwan pada tahun 1949. Perpisahan ini akhirnya menimbulkan kekaburuan persepsi di kalangan penghijrah tentang penempatan tanah air mereka, lebih-lebih lagi golongan penghijrah ini merasai diri mereka seolah-olah telah disingkirkan dari tanah besar China. Antara reformasi Komunis dan Guomindang yang masing-masing berpegang tegas kepada dua pegangan politik yang berbeza, bangsa Cina pada masa itu terpaksa menentukan kedudukan mereka sama ada terus berkedudukan di atas tanah besar China atau berundur ke Taiwan bersama Guomindang.

Sesungguhnya, penghijrahan tersebut memberi impak-impak yang besar kepada penghijrah-penghijrah di Taiwan hingga hari ini. Nostalgia yang dituju kepada tanah besar China tidak pernah berakhir dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Penulis-penulis Taiwan tidak kira generasi tua yang berasal dari tanah besar China atau mereka yang membesar di Taiwan sejak kecil lagi, masing-masing memerlukan suatu orientasi untuk menilai semula tentang kedudukan tanah air yang sebenar. Perasaan rindu akan tanah kelahiran yang tidak pernah luntur daripada kenangan mereka menyukarkan golongan penghijrah untuk mengenalpasti semangat nasionalisme mereka pada

suatu seketika. Justeru, kelihatan para penulis berusaha menempatkan semula tanah air dalam dunia sastera mereka. Misalnya Yu Guangzhong pernah mengemukakan pertanyaan dalam syairnya, “Adanya sebidang tanah, tapi di manakah negaramu? Adanya sebutir pulau, tapi di manakah rumahmu?” (1974: 3) Selain itu, para penulis seperti Chen Ruoxi, Nie Hualing dan Bai Xianyong serta Zhang Xiguo yang mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang penulisan di seberang laut turut didominasi oleh fungsi politik tersebut.

Kebanyakan penghijrah ini kemudian melanjutkan pelajaran mereka ke Amerika Syarikat. Penuntut-penuntut yang banyak mengisahkan hidup pengembaraan mereka padahalnya telah mengetengahkan suatu pola perubahan minda yang ketara akibat penghijrahan tersebut. Ciri-ciri istimewa yang ada pada penuntut-penuntut di seberang laut adalah berlainan daripada mereka yang mengarang di Taiwan. Penulisan mereka akhirnya membawa kebangkitan suatu cabang penulisan dalam bidang kesusasteraan Taiwan, yakni “Sastera Penuntut Seberang Laut” pada akhir tahun 1960an.<sup>2</sup> Golongan penulis ini telah mengalami suatu proses “kehilangan”, “pencarian” dan akhirnya “penentuan” akar budaya di tanah asing. Keperitan dan kepiluan yang ada pada seorang pengembara sememangnya sukar difahami. Sebagaimana yang dikatakan oleh Bai Xianyong:

---

<sup>2</sup> Penuntut-penuntut Taiwan yang melanjutkan pelajaran mereka di Amerika Syarikat atas faktor-faktor tertentu membentuk suasana penulisan yang menebal di seberang laut. Perkembangan pesat dalam bidang “Sastera Penuntut Seberang Laut” di Taiwan sejak akhir tahun 1960an padahalnya adalah didominasikan oleh peristiwa pemisahan Taiwan daripada tanah besar China pada tahun 1949. Kebanyakan mereka merupakan penghijrah-penghijrah yang berasal dari tanah besar China dan kemudiannya meninggalkan Taiwan dan seterusnya berkedudukan Amerika Syarikat hingga hari ini. Di samping itu, Sastera Penuntut Seberang Laut lazimnya memberi persepsi tentang rintihan dan rungutan penulis-penulis terhadap persekitaran asing yang bertentangan dengan budaya tradisional mereka. Untuk mengendalikan tema persoalan tentang pengembaraan bangsa Cina ini, golongan penulis tidak dapat dielakkan daripada mengulangi perjalanan plot yang membosankan. Kata Wang Dewei (David, Der-wei Wang), “Jika kita mengimbas kembali Sastera Penuntut Seberang Laut pada akhir abad ke-20, didapati skop penulisan adalah amat terbatas. Selama ini, persoalan nostalgia dan keprihatinan penulis terhadap masyarakatnya tidak menunjukkan kemajuan yang ketara dalam bidang ini.” (1993: 236)

Bangsa Cina yang mengembara di luar gagal menentukan akar tradisi mereka. Mereka diibaratkan sebagai "roh pengembara" yang kehilangan arah dalam hidup pengembaraan. Taiwan sememangnya sukar menggantikan tanah asal mereka. Justeru, mereka terus mengembara seperti Ulysses di seberang laut. Pengembaraan ini tiada arah, tiada tempat perhentian dan tiada harapan. Hanya kegelapan yang akan menyambut mereka dalam sepanjang hayat (2000: 411).

Malangnya, rasa terbuang yang terserlah dalam diaspora bangsa Cina di Taiwan akhirnya telah diperturunkan kepada generasi muda misalnya, Zhang Xiguo yang membesar di Taiwan. Sebagaimana yang dikatakan Leo Ou-fan Lee (Li Oufan), "Pengembaran penghijrah-penghijrah muda di Taiwan tidak menerima kelukaan yang besar seperti generasi tua. Namun, generasi baru ini juga terpaksa menanggung tekanan jiwa mereka." (1996: 482) Walau bagaimanapun, usaha gigih Zhang Xiguo dalam mengukuhkan semangat nasionalisme di Taiwan telahpun mendapat sanjungan tinggi. Ini terbayang dalam kebanyakan karya beliau yang diterbitkan pada tahap kegemilangan penulisan pada tahun 1970an. Skop penulisan yang berasaskan pengejaran nostalgia sebelum ini telah diperingkatkan ke arah kehidupan bangsa Cina di luar Taiwan dengan lebih menyeluruh.

Sehubungan itu, disertasi ini tidak lupa mengenal pasti pembentukan dan penilaian identiti sebagai konflik utama dalam pengembaran Zhang Xiguo. Zhang Jinyuan, pengkritik Sastera China Modern memperlihatkan identiti budaya sebagai satu persoalan yang umum pada zaman pasca-kolonial. Walaupun zaman imperialisme telahpun berakhir pada abad ke-20 yang lalu, tetapi pengaruh dan monopoli Barat turut dirasai oleh negara-negara membangun dalam pelbagai aspek. Tambahan pula, "pembaratan" dalam

kebanyakannya negara yang mengagung-agungkan budaya Barat dikhuatiri akan melunturkan semangat nasionalisme sesebuah masyarakat membangun. Hal ini turut menarik perhatian cendekiawan-cendekiawan dalam meninjau persoalan "identiti" (1995: 10). Ulasan Huang Jinshu, seorang penulis dan pengkaji sastera Mahua tetapi kini menetap di Taiwan mempunyai perasaan yang tidak banyak bezanya daripada Zhang Xiguo. Katanya, "Kedudukan diaspora merupakan suatu situasi yang istimewa. Aktiviti-aktiviti misalnya, bermula, melancong, melanjutkan pelajaran dan perdagangan dalam negara akan memperkuuhkan kedudukan ini." (1996: 216) Bertolak dari pengalaman yang ada pada golongan penulis Cina ini, keperluan untuk meninjau persoalan identiti bagi seorang pengembara merupakan tugas yang wajib di sini.

Bagi Zhang Xiguo, penilaian terhadap kedudukan tanah air sendiri sesungguhnya suatu langkah penting selaras dengan proses pembentukan semangat nasionalismenya. Usaha beliau yang tidak jemu meninjau penghijrah-penghijrah Taiwan dan seberang laut terutamanya golongan intelek memperlhatkan kesungguhan beliau dalam membina sebuah "tanah air jiwa" melalui dunia sasteranya. Benedict Anderson berpendapat bahawa dua unsur "imaginasi ciptaan" yang dibangkitkan di Eropah pada abad ke-18, yakni karya fiksyen dan suratkhabar dapat mencungkil "imaginasi manusia sejagat" terhadap komuniti bangsanya. Menurutnya, karya fiksyen adalah suatu dunia imaginasi yang dibina oleh penulis kepada pembacanya untuk mencerminkan imajinasi manusia sejagat yang berfungsi dalam pembentukan jiwa komunitinya (1983: 30). Imajinasi ini seakan-akan suatu memori kolektif yang dikumpul daripada sesuatu bangsa dan akan membawa perpaduan kepada anggota-anggota masyarakatnya. Lantaran, disertasi ini akan meninjau faktor-

faktor yang memberangsangkan rasa terbuang dalam karya-karya Zhang Xiguo. Dengan kata lain, rasa terbuang yang dihasilkan dalam pengembalaan dapat diperlihatkan sebagai dorongan dan galakan untuk seorang pengembara berusaha meninjau kedudukan bangsa dan negaranya.

Sesungguhnya latar sejarah masyarakat, pembentukan identiti dan gaya penulisan Zhang Xiguo merupakan kerangka penting dalam disertasi ini. Sekali lagi, Anderson berpendapat bahawa kesedaran kebangsaan dan nasionalisme merupakan “budaya ciptaan manusia” yang amat istimewa untuk mendasari persoalan nasionalisme (1983: 9). Lantaran, disertasi ini akan menggalurkan kesinambungan dalam pernyataan tersebut untuk kita meninjau perubahan minda dan pembentukan jiwa dalam hidup pengembalaan Zhang Xiguo, khususnya persoalan identiti sebagai keprihatinan yang setinggi-tinggi dalam penulisannya.

## 1.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian penyelidikan yang dijalankan ke atas karya-karya Zhang Xiguo pada tahap ini sememangnya tidak memadai jika diukur dengan **kedudukan** dan sanjungan yang diberi kepada beliau dalam bidang kesusasteraan Taiwan hari ini. Kata Zhang Xiguo dalam suatu wawancara pada tahun 1985, “Saya berharap pengkaji akan memberi ulasan kepada karya-karya saya **dalam** lima tahun kebelakangan ini.” (Long, 1985a: 212) Lantaran, perbincangan **disertasi** ini adalah suatu tugas penting untuk meninjau mesej penulisan di **sebalik** seni penulisan Zhang Xiguo terutama kerja-kerjanya pada tempoh itu. **Sehingga** tahap ini, kebanyakan kritikan terhadap karya-karya beliau adalah **merupakan** “ulasan sastera” (Literature Review) yang berasingan dan **dihadarkan** oleh beberapa orang pengkaji sastera, misalnya Liu Shaoming yang **berbincang** tentang “Kekesalan dari Kempen Diaoyu: Perbincangan terhadap Novel Zhang Xiguo yang Berjudul *Kemarahan Masa Silam*” (1978), Li Oufan dengan artikelnya yang berjudul “Lawatan yang Misteri: Tinjauan Umum **terhadap** Koleksi Karya *Xingyun Zuqu*” (1980), Jian Zhengzhen dengan artikelnya yang berjudul “Zhang Xiguo: Tinjauan terhadap Kejiwaan Seorang Pengembawa” (1980), Yu Guangzhong berbincang tentang “Menerusi Rahsia Tuhan dalam Novel *Raja Catur*” (2001) dan Yang Mu dengan artikelnya “Keprihatinan dan Kesenian Zhang Xiguo” (2001).

Namun, kertas-kertas kajian tersebut masih tidak dapat **memberi** suatu gambaran yang menyeluruh terhadap karya-karya Zhang Xiguo, **lebih-lebih** lagi antara mereka yang membatasi penulisan beliau dalam **bidang Sastera** Penuntut Seberang Laut di Taiwan berpandukan karya-karya yang **berasingan**. Keprihatinan Zhang Xiguo yang tidak terbelenggu dalam pengejaran **nostalgia**

terhadap tanah besar China, negara yang ditinggalkan dalam penghijrahan pada tahun 1949 telah mempertingkatkan rasa terbuang yang ditanggung berat oleh kebanyakan penulis sezamannya kepada persoalan identiti yang lebih bermakna.<sup>3</sup>

Pada tahun 1990an, Jian Zhenghen, pengkaji sastera Taiwan pernah membuat tinjauannya ke atas persoalan diaspora dengan pendekatan ilmiah yang lebih sistematik. Lebih-lebih lagi, beliau berjaya memberi suatu gambaran yang jelas terhadap pencapaian penulis-penulis Taiwan dalam bidang ini.<sup>4</sup> Dalam hal ini, tinjauan Jian Zhenghen ke atas karya-karya Zhang Xiguo dari perspektif diaspora yang lebih meluas lagi optimis merupakan suatu usaha murni. Berasaskan perkembangan aktiviti diaspora dalam menilai semula “pencarian” dan “penentuan” akar budaya sesuatu bangsa, disertasi ini meninjau secara kritis tentang “rasa terbuang” yang terserlah dalam karya-karya Zhang Xiguo sepanjang pengembaraannya di rantau asing. Sejarah dan pengalaman yang terkumpul daripada seluruh bangsa menjadi pintu masuk bagi tinjauan ini. Justeru, disertasi ini pada asasnya bertujuan menilai sejauh mana keupayaan dan tanggungjawab Zhang Xiguo sebagai seorang penulis yang berintelek dapat menggembungkan tenaga dalam situasi keterbuangan seterusnya mengenal dirinya yang sebenar.

<sup>3</sup> Persoalan identiti selalunya ditinjau ke atas pengembara-pengembara yang meninggalkan tanah air. Sebagaimana yang dikatakan oleh Zhou Lei, orang Hong Kong yang kini menetap di Amerika Syarikat, “Seperti kebanyakan orang-orang Cina di seberang laut, orang Hong Kong berasa bangga disebabkan mereka berasal daripada bangsa Cina. Kebanyakan orang Hong Kong sedar akan dirinya ialah bangsa ‘Cina’ sejak Jun, tahun 1989...” (1995: 34).

<sup>4</sup> Jian Zhenghen adalah antara pengkaji sastera minoriti yang membuat pengkajian ke atas persoalan diaspora di kalangan penulis di Taiwan. Beliau membuat tinjauannya terhadap penulis-penulis Taiwan dalam kertas kerja yang berasingan secara kritis dan terperinci sekali. Sila rujuk kertas kerja beliau yang berkenaan, misalnya “Epik Diaspora: Tinjauan Awal Terhadap Sastera Diaspora Taiwan”(1991), “Yu Guangzhong: Situasi Dunia Pengembaraan”(1992), “Bai Xianyong: Pengisah dan Pengembara” (1993) dan “Zhang Xiguo: Tinjauan terhadap Kejiwaan Seorang Pengembara” (1995).

### 1.3 SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Selain karya kritikan yang berjudul *Pemikiran Falsafah Jean-Paul Sartre (Shate de Zhexue Sixiang, 1963)*, Zhang Xiguo menghasilkan novel pertamanya dengan judul *Kisah Benar tentang Paderi Pi (Pi Mushi Zhengzuan, 1963)* dan koleksi karya fiksyen *Kematian Kong Zi (Kong Zi zhi Si, 1963)* ketika masih mengikuti ijazah sarjana muda beliau di Universiti Taiwan.<sup>3</sup> Karya-karya beliau yang lebih matang dari aspek pengelolaan tema, plot dan strategi penulisan hanya ditunjukkan selepas beliau melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat. Koleksi karya fiksyen *Tanah (Di, 1970)* merupakan karya pertama Zhang Xiguo diterbitkan ketika beliau berada di Universiti California (Berkeley), Amerika Syarikat. Karya ini merupakan pintu masuk untuk meninjau perubahan naluri penulis ini dalam pengembaraanya. Karya ini juga merupakan batu loncatan untuk mempertingkatkan tahap penulisan Zhang Xiguo dalam *Kapal Pisang (Xiangjiao Chuan, 1976)* dan *Penggagah (Buxiuzhe, 1983)*, dua buah koleksi yang amat berkualiti dan disimpan dalam koleksi "Siri Roh Pengembra" (Youzihun Zuqu) pada kemudiannya. Sementara itu, beberapa novel misalnya *Kemarahan Masa Silam (Zuori zhi Nu, 1978)*, *Raja Catur (Qiwang, 1979)* dan *Sungai Kuning (Huanghe zhi Shui, 1979)* yang diterbitkan pada tahap kegemilangan penulisan Zhang Xiguo bukan sahaja mendedahkan ketajaman

---

<sup>3</sup> Ketika Zhang Xiguo mengikuti ijazah sarjana muda, beliau amat tertarik dengan falsafah-falsafah Barat. *Pemikiran Falsafah Jean Paul Sartre* ialah hasil kajian pertama yang diterbitkan beliau sendiri pada umur 19 tahun. Selain itu, beliau juga sering memaparkan karya-karya kritikannya dalam ruangan majalah, misalnya *Forum Universiti (Daxue Luntan)* dan *Berita Universiti (Daxue Xinwen)*. Beberapa buah karya kritikan beliau juga diterbitkan, misalnya *Biarlah Masa Depan Itu Tunggu Sebentar Lagi (Rang Weitai Deng yi Deng ba)*, *Lawatan Ke Angkasa (Tiancheng zhi Lu)*, *Seorang Hero Tidak Menangis (Yingxiong you Lei bu Qingtan)*, *Roh Getah (Xiangpi Linghun)* dan *Sapu Tangan Seorang Lelaki (Nanren de Shoupa)*. Namun, karya-karya kritikan ini tidak termasuk dalam skop perbincangan di sini tetapi digunakan sebagai rujukan. Sementara itu, novelnya *Kisah Benar tentang Padert Pi* juga memperlihatkan pengaruh pemikiran falsafah Barat ke atasnya manakala koleksi karya fiksyen *Kematian Kong Zi* tersimpan beberapa buah karya kritikan beliau ketika beliau masih menuntut di Universiti Taiwan. Disebabkan karya-karya Zhang Xiguo pada masa ini tidak mencapai kematangannya, maka kedua-dua karya ini tidak termasuk dalam perbincangan disertasi ini.

pemikirannya terhadap perubahan-perubahan masyarakat Taiwan pada tahun 1970an, malah berjaya menyerlahkan kematangan seni penulisannya pada tahap ini.

Sehubungan itu, disertasi ini akan menumpukan perbincangan kepada karya-karya Zhang Xiguo selepas beliau meninggalkan Taiwan pada tahun 1966 memandangkan tahap penulisan ini lebih kelihatan kepentingannya untuk meninjau rasa terbuang Zhang Xiguo yang berada di rantau asing. Bermula dengan koleksi karya fiksyen *Tanah* yang diterbitkan di Amerika Syarikat, Zhang Xiguo amat prihatin terhadap kedudukan tanah air terhadap pengembaraannya. Koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* dan *Penggagah* yang berlatarbelakangkan masyarakat Taiwan di antara tahun 1970 hingga 1980an terus meninjau kedudukan orang Taiwan mahupun kepada mereka yang berkedudukan Taiwan atau golongan pengembara yang merantau di luar tanah air seperti Zhang Xiguo. Sementara itu, tiga buah lagi novel yang berjudul *Raja Catur*, *Kemarahan Masa Silam* dan *Sungai Kuning* pada tahap ini banyak menyentuh persoalan identiti orang Taiwan terutama di kalangan intelektual ketika masyarakat menuju ke era pemodenan. Justeru, beberapa buah karya pada puncak kegemilangan penulisan Zhang Xiguo yang disebutkan di atas adalah penting untuk kita mengukur rasa terbuang yang muncul dalam pengembaran beliau, lebih-lebih lagi karya-karya beliau pada tahap ini dapat membekalkan kita suatu saluran penting dalam memperlihatkan kepentingan Taiwan terhadap Zhang Xiguo.

Sementara itu, disertasi ini juga memfokuskan empat buah karya fiksyen sains Zhang Xiguo yang berjudul *Siri Horizon* (*Xingyun Zuqu*, 1980), *Lima Piring Batu* (*Wuyu Tie*, 1981), *Naga Perkasa Dari Bandar* (*Longcheng Feijiang*, 1986) dan *Sebulu* (*Yi Yumao*, 1991). Dalam hal ini, *Lima Piring Batu*, *Naga Perkasa Dari Bandar* dan *Sebulu* kemudian tersimpan dalam koleksi yang lebih dikenali sebagai "Metropolis" (Cheng). Zhang Xiguo sebenarnya lebih terharum namanya dalam bidang kesusastraan Taiwan disebabkan beliau membuka lembaran baru dalam bidang fiksyen sains Cina. Beliau tidak jemu menerapkan ciri-ciri khayalan, sains dan sejarah China untuk memberi suatu wajah baru dalam bidang penulisan ini. Karya fiksyen sains yang dipetik dalam perbincangan ini merupakan titik peluh Zhang Xiguo di Amerika Syarikat setelah karya-karya bukan fiksyen sains yang disebutkan di atas dihasilkan. Misalnya, koleksi karya fiksyen sains berjudul "Metropolis" yang mengarah masa depan dan nasib manusia sejagat merupakan suatu kesinambungan Zhang Xiguo dalam meninjau kedudukan dan kepentingan Taiwan terhadap pengembara sepertinya.

Jika ditinjau secara teliti, karya fiksyen sains Zhang Xiguo banyak meninjau kebatinan manusia yang tertekan akibat pemodenan masyarakat seperti kebanyakan karya fiksyen bukan sainsnya. Namun, keprihatinan beliau dalam penulisan fiksyen sains kini menuju ke arah insan sejagat dari aspek yang lebih menyeluruh jika berbanding dengan karya fiksyen bukan sains yang banyak mendedahkan gelagat dan perlakuan orang Taiwan selaras perkembangan masyarakatnya. Justeru, disertasi ini memberi penekanan kepada beberapa buah fiksyen sains di atas yang dihasilkan di antara tahun 1981 hingga 1991 berikutan novel *Raja Catur* dan *Sungai Kuning* diterbitkan

pada tahun 1979 untuk mendasari perubahan naluri Zhang Xiguo dalam membebaskan dirinya daripada rasa terbuang yang membelenggu penulisannya sebelum ini.

Di samping itu, kajian perpustakaan (library research) akan menjadi teras kepada tinjauan dan pengumpulan maklumat dalam disertasi ini. Bagi memastikan sumber-sumber maklumat yang berkaitan diperoleh dengan lengkap dan tepat, sumber-sumber asal akan digunakan dalam kajian ini. Selain itu, bahan-bahan rujukan bercetak misalnya teks-teks ilmiah, tesis atau kajian yang sedia ada, majalah, manuskrip, kertas-kertas kerja penyelidikan dan jurnal yang berkenaan akan menjadi sumber penelitian dalam melengkapkan perbincangan terhadap Zhang Xiguo.

Secara keseluruhannya, skop kajian disertasi ini akan terbahagi kepada beberapa bab. Bab pertama ialah pengenalan. Bab kedua meneliti latar belakang sejarah yang membawa kepada penghijrahan Zhang Xiguo dan penulis-penulis sezamannya ke Taiwan pada tahun 1949. Selain itu, terdapat faktor-faktor luaran yang mendorong Zhang Xiguo melanjutkan pelajarannya ke Amerika Syarikat kemudian. Latar ini penting dalam memperlihatkan suatu pola perubahan minda golongan penghijrah yang berasal dari tanah besar China dan seterusnya membuka jalan kepada disertasi ini untuk mengenalpasti nostalgia yang menyelubungi Zhang Xiguo.

Bab ketiga berbincang secara terperinci tentang proses pembentukan semangat nasionalisme Zhang Xiguo yang bertapak di Taiwan dan seterusnya

membuktikan penulisan beliau tidak sahaja dikongkong dalam pengejaran nostalgia sehingga mencapai suatu peningkatan yang lebih disanjungi.

Bab keempat menumpu kepada koleksi karya fiksyen *Tanah* dan “Siri Roh Pengembara” yang menggariskan perubahan minda Zhang Xiguo melalui wajah-wajah pengembara dalam dunia sasteranya. Berasaskan pertanyaan Zhang Xiguo dalam karya fiksyen “Tanah” yang berbunyi “kenapa sanggup meninggalkan tanah air memandangkan kamu benar-benar sayang akannya”, beliau tidak jemu mendasari pembentukan jiwa dan persoalan identiti bagi golongan intelektual di Taiwan.

Bab kelima memberi fokus kepada tiga buah novel Zhang Xiguo, yakni *Kemarahan Masa Silam*, *Sungai Kuning* dan *Raja Catur* serta karya fiksyen sainsnya, “Metropolis” dan *Siri Horizon*. Penanya yang menghala ke arah masyarakat Taiwan dalam pemodenan pada tahun 1980an dan persoalan identiti orang Taiwan melalui kempen melindungi Kepulauan Diaoyu turut dijadikan tinjauan di sini. Dunia fiksyen sains yang dibentuk oleh Zhang Xiguo sekali lagi menyerlahkan keprihatinannya dalam mendasari intipati insan sejagat.